

Padanan manakah yang salah

	Buku Catatan Pertama	Dokumen Sumber
A.	Jurnal Jualan	Invois (salinan)
B.	Jurnal Am	Memo
C.	Jurnal Belian	Nota debit (asal)
D.	Jurnal Pulangan Belian	Nota kredit (asal)

Jawapan :

Antara yang berikut, urusanniaga manakah yang akan direkodkan ke dalam Jurnal Khas?

- I. Menjual barang niaga secara kredit
- II. Pelanggan memulangkan barang niaga yang rosak
- III. Mengambil stok barang niaga untuk kegunaan perniagaan
- IV. Membeli barang niaga dengan cek

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

Jawapan :

Maklumat apakah yang dicatatkan di lajur butir dalam Jurnal Jualan?

- A. Nama pemilik
- B. Nama penghutang
- C. Nama pemiutang
- D. Nama barang niaga

Jawapan :

Maklumat yang berikut diperolehi daripada Jurnal Pulangan Jualan bagi sebuah perniagaan?

Tarikh	Butir	Jumlah
2019		RM
Mei 4	Aidila Enterprise	200
	Syarikat Raavee	50
31	P	250

Apakah **P**?

- A. Akaun Jualan
- B. Akaun Penghutang
- C. Akaun Pulangan Jualan
- D. Jumlah Jurnal Pulangan Jualan

Jawapan :

Kedai Buku Hidayah menerima invois daripada Pembekal Buku Zahra bernilai RM2,500 pada 20 Mei 2019. Invois ini adalah buku-buku yang telah diterima oleh kedai itu seminggu sebelum tarikh berkenaan.

Buku catatan pertama manakah yang digunakan untuk merekodkan butiran invois tersebut?

- A. Jurnal Am
- B. Jurnal Belian
- C. Jurnal Jualan
- D. Buku Pulangan Jualan

Jawapan :

Dokumen manakah yang menjadi sumber merekodkan Jurnal Belian?

- A. Memo
- B. Invois (asal)
- C. Nota debit (salinan)
- D. Nota kredit (salinan)

Jawapan :

Dokumen manakah yang berfungsi sebagai invois tambahan?

- A. Resit
- B. Memo
- C. Nota debit
- D. Makluman debit

Jawapan :

En. Ramli menerima nota kredit daripada pembekal kerana dia telah memulangkan barang yang rosak.

Buku catatan pertama manakah yang digunakan untuk merekodkan butiran nota kredit tersebut?

- A. Jurnal Am
- B. Jurnal Pulangan Belian
- C. Jurnal Jualan
- D. Jurnal Pulangan Jualan

Jawapan :

Pernyataan manakah yang benar mengenai lejar?

- A. Buku yang menyenaraikan kos jualan bagi satu tempoh perakaunan
- B. Buku yang merekodkan hasil dan belanja untuk mengira keuntungan perniagaan
- C. Buku yang merekodkan semua perbelanjaan perniagaan dalam tempoh perakaunan
- D. Buku yang mengandungi pelbagai jenis akaun yang digunakan untuk merekodkan urusan niaga.

Jawapan :

Pilih langkah mengimbangkan akaun mengikut ukuran yang betul.

- I. Jumlahkan kedua-dua lajur debit dan kredit
- II. Jumlah yang lebih besar dicatatkan sebagai jumlah kedua-dua lajur
- III. Cari selisih antara kedua-dua lajur debit dan kredit
- IV. Catatkan perbezaan itu sebagai baki hantar ke bawah

- A. I, III, II, IV
- B. I, II, III, IV
- C. I, IV, II, III
- D. I, IV, III, II

Jawapan :